

SOALAN NO. : 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
[SUNGAI BESAR]****TARIKH : 8 OGOS 2017 [ SELASA ]****SOALAN :**

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan prestasi serta kedudukan semasa industri getah dan sawit seluruh negara dari segi jumlah pengeluaran dan permintaan serta harga jualan dan nyatakan unjuran prestasi industri ini untuk tempoh sepanjang 2017.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit dan getah merupakan antara komoditi utama negara yang terus menyumbang kepada pendapatan eksport negara. Selain itu, kedua-dua industri ini dipelopori oleh para pekebun kecil di mana hampir 40% tanaman sawit dan 95% tanaman getah adalah diusahakan oleh golongan ini. Tanaman sawit dan getah juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan penjanaan peluang-peluang pekerjaan di luar bandar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2016, eksport produk-produk sawit adalah bernilai RM67.6 bilion, meningkat 6.9% berbanding tahun 2015. Purata harga CPO berada di paras RM2,653 se tan, meningkat 23.2%. Walau bagaimanapun, pengeluaran CPO telah merekodkan penurunan sebanyak 13.2% kepada 17.3 juta tan berikutan fenomena El-Nino.

Dari segi permintaan, produk-produk berasaskan sawit telah dieksport ke hampir 170 buah negara. Kesatuan Eropah, India, China, Amerika Syarikat dan Jepun merupakan negara pengimport utama dengan jumlah eksport sebanyak RM34.1 bilion atau 50.4% daripada jumlah eksport produk-produk sawit.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, eksport produk-produk sawit mencecah nilai RM32.3 bilion, peningkatan 31.5%. Purata harga CPO juga kukuh pada paras RM2,944.50 se tan, meningkat 17% dan pengeluaran CPO adalah sebanyak 8.7 juta tan.

Kementerian akan terus berusaha bagi memperkukuhkan pasaran produk-produk sawit di peringkat global dengan sasaran peningkatan eksport sebanyak 4%. Pengeluaran CPO juga dijangka pulih berikutan peningkatan kawasan tanaman sawit matang dan purata harga CPO diunjurkan kukuh pada paras RM2,700 se tan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi sektor getah, pada tahun 2016, industri ini telah menyumbang pendapatan eksport sebanyak RM24.8 bilion, pengurangan 1.6% berbanding tahun 2015. Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan China merupakan antara pasaran eksport utama dengan jumlah eksport sebanyak RM15.6 bilion atau 62.7% daripada jumlah eksport produk-produk getah. Pengeluaran getah asli pada tahun 2016 telah merekodkan penurunan kepada 673,513 tan manakala purata harga getah asli (SMR 20) telah meningkat ke paras RM5.68 sekilogram.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, nilai eksport produk-produk getah adalah sebanyak RM14 bilion, meningkat 42.5% berbanding RM9.8 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2016. Peningkatan ini antara lain disumbangkan oleh pengukuhan purata harga getah asli SMR 20 bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 ke paras RM7.94 sekilogram, meningkat 54.8% berbanding RM5.13 sekilogram.

Kementerian mensasarkan peningkatan eksport produk-produk getah sebanyak 7% dengan pengukuhan syer pasaran sedia ada serta meneroka pasaran-pasaran baru. Purata harga getah asli (SMR 20) juga dijangka kukuh pada paras RM6.50 hingga RM7 sekilogram.

Sekian, terima kasih.